

**SHARIAH RISK MANAGEMENT IN ISLAMIC DIGITAL BANKING IN MALAYSIA:
A STUDY AT KAF INVESTMENT BANK**

**PENGURUSAN RISIKO SYARIAH DALAM PERBANKAN DIGITAL ISLAM DI MALAYSIA:
KAJIAN DI KAF INVESTMENT BANK**

Muhammad Nadzri Ahmad Jailani ⁱ & Faezy Adenanⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. nadzri.khalifah@yahoo.com

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. faezyadenan@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>In this era of digitization, KAF Investment Bhd is one of the consortiums that have obtained a license from Bank Negara Malaysia to implement Islamic digital banking in Malaysia. Section 28 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 states that an institution must ensure that all its business activities comply with Shariah. However, three problems can cause Islamic digital banking activities not to comply with Shariah. The problems define as a Shariah risk under the risk of banking operations. Among the Shariah risks that can occur in Islamic digital banking is the first lack of knowledge and talent about Shariah. Secondly, cybercrime in Islamic digital banking. Third, the use of smart contracts in Islamic digital banking. Therefore, this study aims to create recommendations on Shariah risk management in Islamic digital banking. Document analysis and questionnaires have been done to obtain comprehensive data. Then, analyze the data using qualitative methods such as inductive and deductive to achieve the objectives. The study found three recommendations for Shariah risk management in Islamic digital banking. Firstly, attending courses, training, and taking tests on Shariah management. Secondly, follow the guidelines issued by cyber security. Thirdly, choose the best technology operation regulator to avoid Shariah risks.</i></p> <p>Keywords: Shariah, Risks, Management, Digital, Banking.</p>
Abstrak	<p><i>Pada era digitalisasi ini, KAF Investment Berhad merupakan salah satu konsurtium yang telah mendapat lesen daripada Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan perbankan digital Islam di Malaysia. Menurut Seksyen 28 (1), Islamic Financial Services Act 2013 menyatakan bahawa sesebuah institusi itu perlu memastikan segala aktiviti perniagannya mematuhi Syariah pada setiap masa. Namun, terdapat tiga masalah yang timbul yang boleh menyebabkan aktiviti perbankan digital Islam tidak mematuhi Syariah. Masalah tersebut dikategorikan sebagai risiko Syariah dibawah risiko operasi perbankan. Antara risiko Syariah yang boleh berlaku dalam perbankan digital Islam ialah pertama kurangnya pengetahuan dan bakat mengenai Syariah. Kedua, jenayah siber dalam perbankan digital Islam. Ketiga, penggunaan kontrak pintar dalam perbankan digital Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mewujudkan cadangan mengenai pengurusan risiko Syariah khususnya kepada perbankan digital Islam. Analisis dokumen dan soal selidik telah dilakukan bagi</i></p>

	<p><i>mendapatkan data yang komprehensif. Kemudian, menganalisis data tersebut dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah induktif dan deduktif bagi mencapai objektif kajian. Kajian mendapati tiga cadangan pengurusan risiko Syariah dalam perbankan digital Islam telah dihasilkan iaitu pertama menghadiri kursus, latihan dan mengambil ujian mengenai pengurusan Syariah. Kedua, mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh keselamatan siber. Ketiga, memilih pengawal seliaan operasi teknologi yang terbaik untuk mengelakkan risiko Syariah berlaku.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Risiko, Syariah, Pengurusan, Perbankan, Digital.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Pada era digitalisasi ini, penggabungan digital dan persekitaran fizikal tidak asing lagi bagi masyarakat dunia pada hari ini. Masyarakat 5.0 atau Malaysia 5.0 merupakan gelaran masa kini yang menggariskan pendekatan “penyelesaian masalah” terhadap cabaran dan masalah rakyat melalui penggunaan dan pelaksanaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) (Mohamed Ariff, 2020a). Penggunaan teknologi yang semakin rancak pada hari ini membuatkan beberapa institusi telah beralih kepada perkhidmatan digital. Perkhidmatan digital ini mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat khususnya perkhidmatan digital yang patuh syariah. Institusi kewangan atau perbankan misalnya sedang berusaha sedaya upaya untuk mendigitalisasikan produk dan perkhidmatan mereka dari semasa ke semasa. Kajian menunjukkan 77% daripada responden percaya bahawa perbankan digital adalah evolusi seterusnya dalam perkhidmatan kewangan (Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030, 2021).

Maka pada tahun 2021, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menerima 29 permohonan untuk mendapatkan lesen bank digital. Menurut BNM lagi pelbagai pihak telah menghantar permohonan untuk mendapatkan lesen bank digital, termasuk bank-bank, konglomerat industri, firma teknologi, penyediaan perkhidmatan e-dagang, syarikat Fintech, koperasi dan beberapa kerajaan negeri (Mohamad, 2021). Kemudian, pada 29 April 2022, Bank Negara Malaysia (BNM) telah meluluskan lima pemohon bagi mendapatkan lesen bank digital yang diluluskan oleh Menteri Kewangan Malaysia. Terdapat tiga pemohon dilesenkan di bawah *Financial Services Act 2013* (FSA 2013) iaitu Konsortium Boost Holdings Sdn Bhd dan RHB Bank Berhad, Konsortium diterajui GXS Bank Pte Ltd dan Kuok Brothers Sdn Bhd serta Konsortium diterajui Sea Limited dan YTL Digital Capital Sdn Bhd. Manakala dua lagi pemohon dilesenkan di bawah *Islamic Financial Services Act 2013* (IFSA 2013) iaitu konsortium yang diterajui oleh KAF Investment Bank Sdn. Bhd dan konsortium AEON Financial Service Co., Ltd., AEON Credit Service (M) Berhad & MoneyLion Inc (Hibrahim, 2022).

Apabila bercerita mengenai pelaksanaan perbankan digital Islam pastinya mempunyai cabaran dan risikonya tersendiri jika hendak dibandingkan dengan perbankan digital konvensional. Sebagai contoh, institusi perbankan Islam kurang kemahiran dalam mengendalikan kontrak pintar dan blok rantai (Syahmi & Mohamad, 2020). Kekurangan kemahiran dalam mengendalikan kontrak pintar dan blok rantai ini boleh menyebabkan beberapa risiko Syariah berlaku. Risiko Syariah dalam kontrak pintar dapat dibahagikan kepada dua oleh pengkaji lepas iaitu risiko Syariah umum dan risiko Syariah khusus (Syahmi & Mohamad, 2020). Selain daripada itu, perbankan digital Islam juga terdedah kepada risiko jenayah siber yang boleh dilihat dari sudut perspektif Syariah. Antara risiko dalam menggunakan perbankan digital ini ialah berlakunya penipuan atau pemalsuan maklumat dan kemungkinan memanipulasi maklumat untuk disimpan di dalam digital pangkalan data/dana elektronik (Ab Hamid et al., 2021). Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang risiko-risiko yang bakal dihadapi oleh perbankan digital Islam seterusnya menganalisis mekanisma kawalan risiko yang dilakukan dalam perbankan digital Islam khususnya dalam aspek pematuhan Syariah.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Risiko Syariah Dalam Perbankan Digital Islam

Risiko Syariah merupakan sebahagian daripada risiko operasi yang hanya terdapat di dalam institusi kewangan dan perbankan Islam. Hal ini demikian kerana Islam amat menitikberatkan umatnya agar sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan lebih-lebih lagi dalam bab muamalat. Muamalat disini merujuk kepada segala hukum yang mengatur hubungan sesama manusia terutama sekali dalam urusan harta benda. Melalui muamalat ini munculnya satu disiplin atau gagasan ilmu yang dikenali sebagai fiqh muamalat yang telah disusun oleh para ulama' terdahulu dengan merujuk kepada dalil Al-Quran dan Al-Hadis. Dalam fiqh muamalat ini pula terdapat perbincangan mengenai hukum-hukum syariah yang berkaitan dengan harta antaranya ialah pengharaman riba', pengharaman judi, pengharaman memakan harta orang lain dengan cara batil dan sebagainya. Sebagai contoh dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۚ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴾

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri".* (al-Quran. al-Nisa': 29)

Maka sebarang pelanggaran hukum hakam yang terdapat di dalam dalil-dalil yang telah disepakati ulama' boleh dikatakan sebagai risiko Syariah atau risiko ketidakpatuhan Syariah Non-Compliance (SNC) di dalam kewangan dan perbankan Islam. Risiko Syariah atau SNC ini membawa maksud yang sama dalam kebanyakan literatur, yang merujuk kepada risiko yang akan timbul kerana pelanggaran peraturan atau ketetapan Syariah yang telah dibuat oleh pengawal selia (Hassan et al., 2017). Menurut Ginena (2014) risiko Syariah ini didefinisikan sebagai risiko kerugian kewangan yang mungkin dialami oleh institusi kewangan Islam akibat ketidakpatuhan Syariah dalam aktiviti seperti yang dipastikan oleh Lembaga Pengawasan Syariah atau Syariah Supervisory Board (SSB) atau pihak berkuasa yang berkaitan. Menurut Syazwani Mohd Noor et al., (2017) pula risiko Syariah ialah risiko yang berpunca daripada kegagalan pihak berkontrak atau dokumen kontrak untuk mematuhi kewajipan Syariah sehingga menyebabkan kontrak (*aqad*) itu tidak sah.

Manakala risiko ketidakpatuhan Syariah pula didefinisikan sebagai risiko undang-undang atau sekatan kawal selia, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi, yang mungkin dialami oleh institusi kewangan Islam akibat kegagalan mematuhi ketetapan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Syariah Advisory Council (SAC), piawaian mengenai perkara Syariah yang dikeluarkan oleh bank menurut Seksyen 29(1) IFSA dan Seksyen 33E (1) DFIA, atau keputusan atau nasihat jawatankuasa Syariah (BNM, 2019). Seterusnya, Islamic Financial Services Board (IFSB) pula menyatakan bahawa risiko ketidakpatuhan Syariah adalah suatu risiko operasi hasil daripada ketidakpatuhan institusi bagi mematuhi segala peraturan dan prinsip Syariah dalam produk dan perkhidmatannya (Adeyemi Adewale Rifki Ismal et al., 2020). Maka secara kesimpulannya risiko Syariah dalam perbankan digital Islam boleh didefinisikan sebagai suatu risiko operasi yang disebabkan oleh pelanggaran hukum dan prinsip Syariah sehingga boleh berlakunya risiko kerugian kewangan atau risiko undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak autoriti khususnya dalam aktiviti perbankan digital Islam.

Risiko-Risiko Syariah Dalam Perbankan Digital Islam

Secara umumnya risiko Syariah dalam perbankan digital Islam merupakan gabungan daripada beberapa elemen risiko perbankan, risiko digital dan risiko Syariah. Risiko Syariah dalam perbankan digital Islam yang pertama ialah risiko kekurangan pengetahuan dan bakat mengenai Syariah. Mengikut Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran

2018, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ketidakpatuhan Syariah itu boleh berlaku itu antaranya ialah disebabkan kurangnya kecekapan dan pengetahuan atau latihan dalam bidang berkaitan Syariah dalam kewangan Islam (Faizal Jaafar et al., 2018). Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan laporan oleh Islamic Finance News for Malaysia Digital Economy Corporation (2020) yang menyatakan bahawa antara cabaran dalam digital kewangan ini ialah sumber modal insan yang tidak cekap dari segi produktiviti yang rendah dan terhad. Hal ini dapat dilihat apabila institusi perbankan Islam kurang kemahiran dalam mengendalikan kontrak pintar dan blok rantai (Syahmi & Mohamad, 2020). Sekiranya hal ini berterusan berlaku, risiko ketidakpatuhan Syariah dalam perbankan digital Islam boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Sehubungan dengan itu, pengetahuan dan penggabungan ilmu tentang pendigitalan amat diperlukan oleh para ulama Syariah untuk menaik taraf dasar tadbir urus Syariah bagi memastikan operasi perbankan Islam dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan teknologi kewangan (fintech) mematuhi Syariah (Ab Hamid et al., 2021).

Kedua ialah risiko dalam penggunaan kontrak pintar. Kontrak pintar adalah satu kontrak digital dan boleh dibahagikan kepada beberapa komponen asas (Zulkepli et al., 2021). Menurut Farlina et al., (2019) kontrak pintar ini dijangka akan mempercepatkan lagi pendigitalan dalam industri perbankan Islam, pasaran modal Islam, pelaburan Islam dan takaful. Akan tetapi terdapat kajian yang mengatakan bahawa adaptasi kontrak pintar Syariah dalam operasi perbankan Islam berpotensi menimbulkan landskap risiko Syariah yang berbeza (Syahmi & Mohamad, 2020). Menurut kajian lepas mereka, risiko Syariah dalam kontrak pintar terbahagi kepada dua iaitu risiko Syariah umum dan risiko Syariah khusus. Risiko umum itu melibatkan kontrak Syariah seperti *tawarruq* dan *murabahah* manakala risiko Syariah khusus pula melibatkan operasi teknologi seperti entiti *Decentralised Autonomous Organisations* (DAO). Berdasarkan kesemua risiko yang dinyatakan ini, penambahbaikan bagi mengurangkan risiko yang ada dalam perbankan digital Islam ini wajar dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Hal ini demikian supaya tidak timbul sebarang masalah dan keraguan baik dari sudut pengguna mahupun dari sudut perkhidmatan itu sendiri.

Ketiga ialah risiko jenayah siber. Hampir setiap tahun, pasti ada sahaja kes atau berita berkaitan dengan jenayah siber yang semakin licik. Pelbagai tipu helah dan muslihat yang digunakan bagi memperdaya mangsa atau institusi lebih-lebih lagi berkaitan dengan wang. Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, kelicikan penjenayah siber mengeksploit perubahan teknologi dan menjerat mangsa secara kreatif melalui pelbagai modus operandi baharu, serta kesedaran masyarakat mengenai jenayah siber yang masih berada pada tahap sederhana, telah dikenal pasti sebagai antara punca kes jenayah tersebut meningkat (Zainuddin, 2022).

Jenayah siber ini boleh berlaku pada mana-mana sahaja perbankan digital baik konvensional mahupun Islamik. Antara risiko jenayah siber dalam menggunakan perbankan digital ini ialah berlakunya penipuan atau pemalsuan maklumat dan kemungkinan memanipulasi maklumat untuk disimpan di dalam digital pangkalan data/dana elektronik. Menurut *Global technology specialist* (GBG) iaitu pakar dalam penipuan, pengesahan identiti dan risikan data lokasi berkata lebih daripada 50% institusi kewangan di Malaysia melihat pengesahan identiti (58%) dan pencegahan penipuan siber (50%) sebagai cabaran utama dalam memacu pertumbuhan transaksi digital (Ab Hamid et al., 2021). Menurut rakan penyelidik di Pusat Pendidikan Pasaran *think-thank* Liew Chee Yoong berkata bank digital lebih terdedah kepada risiko siber, yang mengakibatkan kos kebocoran data yang tinggi berdasarkan tinjauan terbaru oleh firma antivirus. Liew menegaskan bahawa risiko kredit kekal sebagai isu utama bagi bank digital (Tan, 2022).

Timbalan Pengarah (Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial SAC Victor Sanjos. berkata trend jenayah siber dari 2016 hingga Julai 2022 menunjukkan peningkatan daripada 39 peratus kepada 61 peratus (Bernama, 2022). Malaysia mencatat lebih 20,000 kes jenayah siber yang menyebabkan kerugian sebanyak RM560 juta pada tahun lalu, kata Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian

Dalam Negeri, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman (Bernama, 2022a). Risiko siber yang dinyatakan ini boleh dikatakan sebagai jenayah siber kehartaan. Jenayah siber kehartaan merupakan bentuk baru jenayah mencuri yang dibincangkan dalam perundangan Islam (Azhar Meerangani et al., 2020). Namun, hal itu masih belum dibincangkan lagi dalam perbankan digital Islam akan tetapi secara umumnya kesalahan tersebut boleh dikategorikan sebagai hudud dan *ta'zir* (Awang, 2022). Oleh itu, risiko jenayah siber yang berleluasa ini wajar diberi perhatian oleh institusi perbankan digital Islam agar masyarakat berasa yakin dan terjamin.

Pengurusan Risiko Syariah Dalam Perbankan Digital Islam

Setiap risiko memerlukan pengurusan yang mantap dan efektif bagi melancarkan sesuatu operasi. Maka pengurusan risiko Syariah dalam perbankan digital Islam amat penting bagi memastikan setiap operasinya selari dengan kehendak Syariah. Pengurusan risiko Syariah disebut sebagai suatu fungsi yang sistematik bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko ketidakpatuhan Syariah dalam operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi kewangan Islam (BNM, 2019). Berdasarkan SGPD 2019, pengurusan risiko mempunyai beberapa fungsi antaranya ialah untuk mengintegrasikan antara risiko ketidakpatuhan Syariah dengan pengurusan risiko konvensional, untuk mengenal pasti potensi pendedahan risiko ketidakpatuhan Syariah, untuk membangunkan langkah-langkah pengurangan risiko yang sesuai dan sebagainya (Kamaruddin et al., 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif dimana data diperolehi daripada metode dokumentasi dan metod temubual. Metode dokumentasi ini merangkumi jurnal, thesis, disertasi, akhbar, laporan dan sebagainya yang berbentuk dokumen mengenai risiko Syariah dalam perbankan digital Islam manakala metod temubual pula ialah dengan menemubual sendiri ketua penasihat Syariah perbankan digital Islam di KAF Investment Bhd bagi mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai risiko Syariah dalam perbankan digital Islam dan pengurusannya. Hasilnya, beberapa tema telah dikenalpasti sebelum dianalisis berdasarkan pengurusan risiko Syariah dalam perbankan digital Islam.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa risiko Syariah yang boleh berlaku dalam perbankan digital Islam. Antaranya ialah risiko kekurangan pengetahuan dan bakat mengenai syariah, risiko jenayah siber, risiko dalam penggunaan kontrak pintar, risiko kesilapan manusia atau tenaga kerja, risiko kesilapan sistem dan risiko perbezaan fatwa. Tiga daripadanya adalah berdasarkan kajian lepas iaitu risiko kekurangan pengetahuan dan bakat mengenai Syariah dalam perbankan digital Islam, risiko jenayah siber dalam perbankan digital Islam dan risiko penggunaan kontrak pintar dalam perbankan digital Islam. Tiga lagi adalah berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji yang terdiri daripada risiko kesilapan manusia atau tenaga kerja, risiko kesilapan sistem dan risiko perbezaan fatwa. Risiko kesilapan manusia atau tenaga kerja dapat dikenalpasti ketika mana dalam membuat kontrak dan pelaksanaan kontrak manakala kesilapan sistem pula boleh terjadi juga sungguhpun tatacara dari sudut Syariah dan usaha manusia atau tenaga kerja sudah dilaksanakan dengan betul (Awang, 2022). Risiko perbezaan fatwa pula dapat dilihat apabila perbezaan fatwa dalam *bay' inah* di mana kebanyakan cendikiawan di timur tengah mengatakan bahawa ianya tidak boleh kerana *bay' innah* ini merupakan pintu belakang bagi riba. Cedikiawan di Malaysia pula mengatakan bahawa ianya diharuskan. Sekiranya kecenderungan fatwa dalam *bay' inah* ini mengatakan bahawa ianya tidak boleh maka keputusan tersebut menyebabkan sesuatu transaksi itu tidak mematuhi piawaian Syariah (Awang, 2022).

PERBINCANGAN

Pengurusan risiko Syariah dalam perbankan digital Islam ini amat penting agar selari dengan prinsip maqasid al-Shariah iaitu dengan memastikan keadilan dan kesejahteraan manusia di dunia dan juga di akhirat. Dalam al-Quran terdapat ayat yang menceritakan tentang pengurusan risiko iaitu:

﴿وَقَالَ يَبْنَىٰ لَا تَدْخُلُوا مِنْ بَابٍ وَاحِدٍ وَأَدْخُلُوا مِنْ أَبْوَابٍ مُّتَفَرِّقَةٍ وَمَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ وَإِنَّ أَحْكَمَ إِلَّا لِلَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَعَلَيْهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ﴾

Maksudnya: *Dan ia berkata lagi: "Wahai anak-anakku! Janganlah kamu masuk (ke bandar Mesir) dari sebuah pintu sahaja, tetapi masuklah dari beberapa buah pintu yang berlainan. Dan aku (dengan nasihatku ini), tidak dapat menyelamatkan kamu dari sesuatu takdir yang telah ditetapkan oleh Allah. Kuasa menetapkan sesuatu (sebab dan musabab) itu hanya tertentu bagi Allah. KepadaNya lah aku bertawakal, dan kepadaNya lah hendaknya bertawakal orang-orang yang mahu bertawakal". (al-Quran. Yusuf: 67).*

Seterusnya, terdapat juga hadis yang boleh dikaitkan dengan pengurusan risiko ini antaranya ialah Nabi SAW pernah bertanya kepada seorang Badwi yang meninggalkan untanya tanpa ikatan:

{ أَخْبَرَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْقَطَّانُ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا حَاتِمُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ أُمَيَّةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قَالَ رَجُلٌ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرْسِلُ نَاقَتِي وَأَتَوَكَّلُ؟ قَالَ: اعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ }

Maksudnya: *"Seorang lelaki telah berkata kepada Nabi s.a.w: Aku lepaskan unta aku dan aku bertawakkal? Baginda menjawab: Ikatlah unta itu dan bertawakkallah" (Hadis. Ibn Hibban. 731).*

Justeru, dalam kaedah fiqh ada menyebut *al-darar yuzāl* iaitu kemudaratan itu harus dihilangkan (Asmaie et al., 2022).

Shariah Governance Framework (SGF) 2010 telah mendefinisikan pengurusan risiko Syariah sebagai suatu fungsi yang terdiri daripada mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah untuk mengurangkan risiko yang timbul daripada terjadinya ketidakpatuhan (BNM, 2010). Maka pengurusan risiko Syariah dalam perbankan digital Islam boleh membawa maksud suatu fungsi yang terdiri daripada mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah dalam aktiviti perbankan digital Islam.

Menghadiri Kursus, Menjalani Latihan dan Mengambil Ujian

Cadangan tersebut adalah bertujuan untuk mengawal risiko kekurangan pengetahuan dan bakat mengenai Syariah serta risiko kesilapan manusia atau tenaga kerja. Bagi menangani masalah ini terdapat dua pendekatan. Pendekatan pertama adalah berkaitan dengan kakitangan yang sedia ada dimana mereka perlu menjalani beberapa latihan. Sekiranya pekerja itu masih lagi tidak cekap dalam tugas yang diberikan, peluang kedua diberikan kepada mereka dengan syarat mereka menunjukkan minat yang tinggi untuk memperbaiki diri dengan membuat kerja tambahan seperti meningkatkan pembacaan selepas habis tempoh bekerja. Pekerja yang melakukan tugas dengan sambil lewa perlu dielakkan. Pendekatan kedua pula adalah berkaitan dengan pengambilan pekerja baharu dimana mereka perlu lakukan beberapa tugas dan karangan ringkas selain daripada resume dan temubual yang dijalankan. Pendekatan kedua ini adalah bertujuan untuk menguji kefahaman pekerja dan mempercepatkan proses pengambilan pekerja.

Terdapat beberapa latihan mengenai pengurusan Syariah dalam kewangan dan perbankan Islam yang disediakan oleh pihak institusi sama ada dalam mahupun luar negara

telah dikenalpasti. Berikut adalah senarai institusi atau persatuan yang menyediakan latihan dan persijilan mengenai pengurusan Syariah dalam kewangan dan perbankan Islam:

- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)
- Amanah Advisors Global Islamic Finance and Fintech Services
- Amanie Islamic Finance & Shariah Advisor
- Association of Shariah Advisors in Islamic Finance (ASAS)
- Centre for Research and Training (CERT)
- Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
- Elzar Shariah Solutions & Advisory
- International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)
- Malaysia Young Shariah Scholars Association (MySSA)
- The Certified Islamic Specialist in Shariah Auditing (CIBAFI)

Institusi perbankan Islam juga tidak terlepas menyediakan latihan amali (internship) atau praktikal kepada graduan dan bakal bekerja di sektor perbankan seperti:

- Bank Islam Malaysia Berhad - Young Leaders Programme (YLP)
- Hong Leong Islamic Bank - Internship Program

Mengikuti Garis Panduan Keselamatan Siber (Cybersecurity)

Cadangan tersebut adalah bertujuan untuk mengawal risiko jenayah siber. Jenayah siber ini bukan sahaja boleh berlaku pada perbankan digital Islam malah turut berlaku pada perbankan digital konvensional seperti kecurian, menggodam sistem dan sebagainya. Maka cara yang terbaik untuk menanganinya adalah dengan cara mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh keselamatan siber (cybersecurity) seperti melindungi sistem internet. Pendekatan aspek keselamatan siber ini bukanlah hanya berdasarkan teknologi semata-mata tetapi perlu mengambil tindakan secara holistik. Pendekatan holistik ini perlu merangkumi tiga komponen iaitu proses, teknologi dan manusia. Ketiga-tiga komponen ini boleh dikategori juga sebagai *Defense in Depth* (DiD) iaitu satu siri mekanisme pertahanan berlapis untuk melindungi data dan maklumat yang berharga (CyberSecurity Malaysia, 2021). Komponen pertama iaitu proses dilihat dari sudut undang-undang atau peraturan atau garis panduan. Pada tahun 2006, kerajaan Malaysia telah membangunkan Dasar Keselamatan Siber Nasional atau National Cyber Security Policy (NCSP) disusuli dengan penambahbaikan daripada Strategi Keselamatan Siber Malaysia pada tahun 2020. Dengan adanya strategi ini secara tidak langsung kepercayaan dalam persekitaran siber ini dapat dipertingkatkan.

Komponen kedua pula ialah teknologi. Pada tahun 2013, Dasar Kriptografi Negara telah diluluskan bagi memelihara ekosistem kriptografi negara. Hal ini sejajar dengan perkembangan teknologi yang berasaskan kriptografi, rangkaian blok, kecerdasan buatan, Internet Benda. Perkembangan teknologi ini telah membawa kepada penggunaan kewangan berasaskan teknologi seperti matawang digital dan perbankan digital. Seterusnya, komponen ketiga pula ialah manusia. Menurut majoriti pakar keselamatan siber, komponen manusia adalah kelemahan terbesar. Maka, bagi menangani kelemahan tersebut, Cyber Security Malaysia (CSM) kini sedang membangunkan Kerangka Pembangunan Kapasiti Keselamatan Siber terdiri daripada tiga program yang menyasarkan kumpulan tertentu mengikut keperluan iaitu;

- Global Accredited Cybersecurity Education (ACE) Scheme. Melahirkan profesional keselamatan siber yang mampu merancang dan melaksanakan inisiatif keselamatan siber.
- Cyberguru. Melahirkan pengamal keselamatan siber yang mahir dalam operasi dan berkeupayaan teknikal
- Cyber Security Awareness For Everyone (SAFE). Memupuk pengetahuan keselamatan siber terhadap individu atau kumpulan yang berdaya tahan terhadap insiden keselamatan siber

Memilih Pengawal Seliaan Operasi Teknologi Yang Terbaik

Cadangan tersebut adalah bertujuan untuk mengawal risiko penggunaan kontrak pintar dan risiko kesilapan sistem. Secara khususnya, kaedahnya adalah sama dengan apa yang telah ditetapkan oleh keselamatan siber dan ketahanan bank masing-masing. Kontrak pintar ini merupakan suatu algoritma yang telah dimasukkan elemen-elemen Syariah kedalamnya seperti rukun dan syarat jual beli (Awang, 2022). Oleh itu, pengawal seliaan operasi teknologi seperti entiti Decentralised Autonomous Organisations (DAO) ini merupakan suatu keputusan perniagaan oleh pihak pengurusan. DAO ini mempunyai pelbagai takrifan dan perbincangan yang menarik. Salah satu takrifannya ialah DAO ini merupakan suatu sistem berasaskan rangkaian blok (*blockchain*) yang membolehkan orang ramai untuk memerintah dan menyelaraskan diri mereka yang dimediasi oleh satu set peraturan yang dilaksanakan sendiri pada rangkaian blok awam dan tadbir urusnya adalah desentralisasi iaitu bebas dari kawalan pusat (S. Hassan & de Filippi, 2021).

Oleh yang demikian, pihak pengurusan berhak untuk memilih sistem pengawal seliaan bagi melindungi tiga pihak yang terlibat iaitu pemegang saham, pelanggan dan pendeposit sesuai dengan tuntutan Syarak iaitu menjaga masalah (Awang, 2022). Bagi memilih sistem pengawal seliaan yang terbaik ini, institusi perbankan digital Islam ini perlu bekerjasama dengan entiti yang dikenali sebagai Dapps, umpamanya Ethereum dan R3 Roda (Syahmi & Mohamad, 2020). DApps ini dikenali sebagai tidak boleh dipercayai atau *peer-to-peer* dengan ciri-ciri yang membezakan bahawa tidak ada pelayan tunggal atau entiti yang mengawalinya seperti dalam model pelayan pelanggan (Metcalf, 2020). DApps ini menggunakan blok rantai sebagai teras untuk menyimpan dan memproses data yang dilaksanakan melalui kontrak pintar. Maka elemen-elemen Syariah perlu dimasukkan ke dalam blok rantai tersebut bagi memastikan risiko Syariah dalam perbankan digital Islam tidak berlaku. Dalam pada masa yang sama, know your customer (k-y-c) juga perlu ada untuk mengetahui kekuatan kredit kewangan pelanggan. Seterusnya, menyemak rekod-rekod pembiayaan terdahulu pelanggan dengan bank-bank lain melalui Central Credit Reference Information System (CCRIS) ataupun Credit Tip-Off Service (CTOS). Kesemua elemen ini perlu di masukkan kedalam kontrak pintar bagi menilai sejauh mana pelanggan bank ini bagus dari sudut kewangannya.

PENUTUP

Kajian yang telah dijalankan ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak industri perbankan digital Islam khususnya KAF Investment Bank dalam mengenalpasti risiko-risiko Syariah yang wujud dan cara pengurusannya. Pengurusan risiko dilihat amat penting dalam Islam untuk memastikan risiko itu dapat diuruskan dalam segenap keadaan menurut prinsip-prinsip yang berlandaskan syarak (Wan Ab Rahaman et al., 2021). Mengenalpasti risiko lebih awal dalam perbankan digital Islam ini perlu agar pihak pengurusan dapat membuat persediaan menghadapinya bak kata pepatah Melayu sediakan payung sebelum hujan. Kegagalan dalam menangani risiko Syariah boleh menyebabkan para pelanggan khususnya pelanggan muslim hilang kepercayaan terhadap industri perbankan digital Islam. Ini kerana kebanyakan masyarakat muslim di Malaysia amat peka dan celik mengenai halal dan haram lebih-lebih lagi dalam bab muamalah. Perkembangan dan kemajuan perbankan Islam di Malaysia sudah cukup menjadi bukti bahawa masyarakat muslim kini sedar terhadap tuntutan agama. Akhir sekali, kajian ini diharapkan agar dapat membantu pengkaji pada masa akan datang.

RUJUKAN

Buku

Farlina, N. @, Mohammed, R., Siti, H. B., & Yahaya, N. 2019. Fintech and Shariah Principles in Smart Contract: FinTech as a Disruptive Technology for Financial Institutions. IGI Global Publisher of Timely Knowledge. <https://doi.org/10.4018/978-1-5225-7805-5.ch009>

Metcalf, W. 2020. *Ethereum, smart contracts, DApps*. In: Economics, Law, and Institutions in Asia Pacific, 77–93. Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-15-3376-1_5

Jurnal

- Ab Hamid, N., 'Adha, Ismail, A. Y., & Raja Abdul Aziz, T. N. 2021. *Regulatory Framework And Legal Challenges In Digitalization Of Islamic Finance*. International Journal of Law, Government and Communication, 6(24), 59–75. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.624004>
- Asmaie, E., Anam, K., Kebangsaan Malaysia, U., Basir Mohamad, A., Kebangsaan, U., Mohammad, M., & Yahaya, Z. (2022). Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring. In *Journal of Contemporary Islamic Law* (Vol. 7, Issue 1).
- Azhar Meerangani, K., Asyraf Ahmad Termimi, M., Faqih Ibrahim, A., & Hilmi Mat Johar, M. 2020. *Kedudukan Tempat Simpanan Harta (Al-Hirz) Dalam Jenayah Siber Masa Kini: Analisis Menurut Perspektif Islam*. E-Journal of Islamic Thought and Understanding, 1.
- Ginena, K. 2014. *Shari'ah risk and corporate governance of Islamic banks*. Corporate Governance (Bingley), 14(1), 86–103. <https://doi.org/10.1108/CG-03-2013-0038>
- Hassan, R., Othman, A. A., Omar, M. N., Mohd. Napiyah, M. D., Abdullah, M. A., Arifin, M., Yusoff, A., & Ab. Karim, M. S. 2017. *Shariah Risk Management Process For Islamic Financial Institutions In The Context Of Shariah Governance Framework 2010*. UUM Journal of Legal Studies, 8, 1–15. <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls/article/view/uumjls.8.2017.4642>
- Hassan, S., & de Filippi, P. 2021. *Decentralized autonomous organization*. Internet Policy Review, 10(2), 1–10. <https://doi.org/10.14763/2021.2.1556>
- Kamaruddin, M. I. H., Hanefah, M. M., Shafii, Z., Salleh, S., & Zakaria, N. 2020. *Comparative Analysis on Shariah Governance in Malaysia: SGF 2010, IFSA 2013 and SGPD 2019*. Journal of Public Administration and Governance, 10(1), 110. <https://doi.org/10.5296/jpag.v10i1.16157>
- Wan Ab Rahaman, W. M. A. F. A., Yaacob, S. E., Haron, M. S., & Ishak, S. 2021. *Pengurusan Risiko Menurut Perspektif Syarak: Satu Kajian Tinjauan Di Institusi Wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Terpilih*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(6), 100–113. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.822>
- Zulkepli, M. I. S., Mohamad, M. T., & Azzuhri, S. R. 2021. *Konsep kontrak pintar dan potensinya terhadap transaksi pembiayaan berasaskan tawarruq*. Jurnal Fiqh, 18(2), 345–376.

Dokumen

- Adeyemi Adewale Rifki Ismal, A., Shafinaz Ab Malek, I., Izzati Mokhtar, F., & Khairunissa Md Zawawi, N. 2020. Digital Transformation In Islamic Banking. www.ifs.org.
- BNM. 2010. Shariah Governance Framework 2010 - SGF 2010.
- BNM. 2019. Shariah Governance Policy Document 2019 - SGPD 2019.
- CyberSecurity Malaysia. 2021. Landskap Keselamatan Siber Malaysia 2020.
- Faizal Jaafar, O., Hairi, M., Tahir, M., Nurlida, D., & Ismail, J. 2018. Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran.
- Teraju Bumiputera. 2021. Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030.

Prosiding dan Seminar

- Nurul Syazwani Mohd Noor, Muhammad Hakimi Mohd. Shafiai, Abdul Ghafar Ismail. 2017. *The Derivation Of Shariah Risk In Islamic Finance: A Theoretical Approach*. The 19th Malaysian Finance Association Annual Conference (MFAC) 2017 Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Perak, Malaysia, 16th – 18th May, 2017.
- Syahmi, M. I., & Mohamad, M. T. 2020. *Potensi mengadaptasi kontrak pintar Syariah ke dalam operasi perbankan Islam dan risiko Syariah yang terlibat*. E-Prosiding SHIS X 2020.

Laporan

Islamic Finance News for Malaysia Digital Economy Corporation. (2020). *MDEC Islamic Fintech Dialogue Report 2020*.

Temu Bual

Awang, M. Z. Mantan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Syariah di KAF Investment Bank Berhad. 29 Disember 2022.

Laman Sesawang

Bernama. 2022a. 11,367 kes jenayah siber dari Januari hingga Julain tahun ini. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/11367-kes-jenayah-siber-dari-januari-hingga-julai-tahun-ini-polis-374682> (diakses pada 5 Ogos 2022)

Bernama. 2022b. Malaysia catat kerugian RM560 juta akibat jenayah siber tahun lalu. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/987351/malaysia-catat-kerugian-rm560-juta-akibat-jenayah-siber-tahun-lalu> (diakses pada 11 Ogos 2022)

Hibrahim, M. A. Sinar Harian. 2022. BNM umum lima pemohon dapat lesen bank digital. <https://www.sinarharian.com.my/article/200455/bisnes/bnm-umum-lima-pemohon-dapat-lesen-bank-digital> (diakses pada 29 April 2022)

Mohamad, H. F. BH Online. 2021. BNM terima 29 permohonan lesen bank digital. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/834790/bnm-terima-29-permohonan-lesen-bank-digital> (diakses pada 2 Julai 2021)

Mohamed Ariff, R. H. Astro Awani. 2020. Malaysia 5.0 - Dasar 4IR National. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-50-dasar-4ir-national-245441> (diakses pada 3 Jun 2020)

Tan, Y. The Star. 2022. Do digital banks have higher risk? <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2022/03/05/do-digital-banks-have-higher-risk> (diakses pada 5 Mac 2022)

Zainuddin, M. Z. 2022. Bank Negara umum 5 lima langkah tambahan elak penipuan kewangan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/09/1004864/bank-negara-umum-5-lima-langkah-tambahan-elak-penipuan-kewangan> (diakses pada 26 September 2022)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.